

Letakkan integriti teras jayakan RMK-12

BH-10/11/2021 m/s: 4

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob mahu semua pihak untuk bersama-sama menjayakan Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) dengan meletakkan integriti sebagai asas dan mengelakkan sebarang konflik berkepentingan peribadi demi Keluarga Malaysia.

Perdana Menteri, berkata secara asasnya, kesemua matlamat serta perancangan yang digariskan dalam RMK-12 hanya boleh dicapai jika integriti dijadikan teras utama.

“Tanpa integriti, kita tidak melakukan sesuatu dengan betul. Tanpa integriti, kita tidak akan jujur.

“Tanpa integriti, pihak yang diamanahkan untuk melaksanakan program atau projek tertentu dalam RMK-12 akan bertindak sambil lewa, mempunyai kepentingan peribadi, salah guna kuasa, penyelewengan, rasuah dan akibatnya akan berlaku ketirisan yang akhirnya mendatangkan kerugian kepada kita Keluarga Malaysia.

“Oleh itu, saya menyeru kepada semua pihak yang berkaitan untuk bersama-sama menjayakan RMK-12 ini dengan

meletakkan integriti sebagai asas dan mengelakkan sebarang konflik berkepentingan peribadi demi keluarga kita, Keluarga Malaysia,” katanya.

Perdana Menteri berkata demikian dalam teks ucapan Majlis Perasmian Penutup Konvensyen Integriti Nasional 2021 (KIN 2021) yang dibacakan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, di sini, semalam.

KIN2021 bertemakan ‘Integriti Keluarga Malaysia dalam Menghadapi Endemik’ adalah program utama berimpak tinggi oleh Institut Integriti Malaysia (IIM) yang dianjurkan pada setiap tahun bersempena sambutan Hari Integriti Nasional pada 5 November setiap tahun, bermula 2005.

Sementara itu, Perdana Menteri, berkata dalam RMK-12, sasaran Indeks Persepsi Rasuah (CPI) Malaysia pada 2025 adalah untuk berada dalam kelompok 30 negara terbaik.

Beliau berkata, untuk mencapai sasaran itu usaha penyemaian nilai murni dan integriti juga patut diperluas dan diperkukuhkan dengan menjadi-

kan integriti sebagai agenda Keluarga Malaysia.

Katanya, negara yang berada pada kedudukan yang teratas dalam CPI yang dikeluarkan oleh Transparency International seperti New Zealand, Denmark dan Finland didapati berjaya memerangi rasuah kerana penyemaian nilai murni dan integriti dalam kalangan rakyat mereka bermula dari rumah sebagai institusi pendidikan pertama.

“Usaha mereka ini jika dikaji mengambil masa yang lama dan gerakan ini perlulah satu komitmen dan gerakan yang menyeluruh.

“Dalam RMK-12, sasaran CPI Malaysia pada 2025 adalah untuk berada dalam kelompok 30 negara terbaik,” katanya.







Ismail Sabri juga berkata integriti bukan hanya berkaitan rasuah semata-mata namun turut merujuk kepada pengamalan nilai murni secara menyeluruh dan berkesan.

Tegasnya, hanya masyarakat yang mempunyai serta mengamalkan nilai murni mampu mewujudkan sebuah masyarakat yang bebas rasuah dan bebas daripada perbuatan yang melanggar etika.

“Analoginya mudah, sebuah keluarga yang mempunyai dan mengamalkan nilai murni dan integriti yang tinggi, tentulah kebarangkalian untuk ahli keluarga berkenaan terbabit dengan isu yang berkaitan dengan pelanggaran integriti, rasuah atau sebarang kes jenayah pada masa hadapan adalah amat rendah ataupun sangat tipis,” katanya.

Ibadat&Fadilat

Ka'ab Ibnu 'Ujrah meriwayatkan Rasulullah SAW bersabda: "Ada suatu amal setiap sesudah solat wajib yang tidak akan merugikan orang mengamalkannya, iaitu tasbih 33 kali; tahmid 33 kali dan takbir 34 kali." (HR Muslim)

 KAWASAN	 SUBUH	 ZUHUR	 ASAR	 MAGHRIB	 ISYAK
Kangar	5:56	1:05	4:26	6:59	8:11
Alor Setar	5:56	1:05	4:26	7:00	8:12
P. Pinang	5:55	1:05	4:26	7:01	8:13
Ipoh	5:52	1:03	4:24	6:59	8:11
Kuala Lumpur	5:48	1:00	4:21	6:58	8:10
Shah Alam	5:48	1:00	4:21	6:58	8:10
Johor Bahru	5:37	12:51	4:12	6:52	8:04
Kuantan	5:42	12:54	4:15	6:53	8:05
Seremban	5:45	12:58	4:20	6:58	8:09
Bandar Melaka	5:44	12:58	4:19	6:57	8:09
Kota Bharu	5:48	12:58	4:18	6:53	8:00
K. Terengganu	5:44	12:54	4:15	6:49	8:01
Kota Kinabalu	4:53	12:03	3:24	5:59	7:11
Kuching	5:12	12:26	3:48	6:27	7:38